

## PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU.

---

Bil. (19) dlm. PTG.TR. 13/66/1 JLD.2

K.Terengganu: 13hb. November, 1982.  
Bersamaan: 27hb. Muharram, 1403.

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.  
Pemungut Hasil Tanah, Besut.  
Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.  
Pemungut Hasil Tanah, Dungun.  
Pemungut Hasil Tanah, Ulu Terengganu.  
Pemungut Hasil Tanah, Marang.

Tuan,

### ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN BIL. 14/82.

Pengiktirafan 'Lembaga Pertubuhan Peladang' Dan 'Pertubuhan Peladang'  
Sebagai 'Melayu' Di Bawah Enakman Tanah Simpanan Orang-orang Melayu 1360.

Arahan ini dikeluarkan dengan tujuan menarik perhatian semua Pemungut Hasil Tanah mengenai keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri di dalam mesyuarat yang ke-28 tahun 1979 yang telah membuat keputusan 'tidak diberi pengiktirafan sebagai melayu di bawah Seksyen 9 Enakman Tanah Simpanan bagi orang-orang Melayu' kepada Lembaga Pertubuhan Peladang dan Pertubuhan Peladang.

2. Dalam hubungan ini, kiranya terdapat mana-mana tanah Pegangan Melayu dipindah milik kepada mana-mana Pemegang Amanah bagi Lembaga Pertubuhan Peladang atau Pertubuhan Peladang. Pemungut Hasil Tanah hendaklah menolak Pendaftaran Pindahmilik tersebut.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATO' LELA JASA)  
Pengaroh Tanah dan Galian,  
Terengganu.

s.k.  
Yang Berhormat,  
Setiasaha Kerajaan,  
Terengganu.